


GST lonjak hasil negara



➔ Kecekapan sistem baharu bantu jejak peniaga culas bayar cukai

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Irwan Shafrizan Ismail
bhbiz@bh.com.my

Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada 1 April 2015 bukan saja membantu meningkatkan pendapatan negara, tetapi juga mengurangkan aktiviti ekonomi gelap, kata Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani.

Beliau berkata, terdapat peningkatan ketara dalam kutipan hasil cukai menerusi GST daripada sektor import berbanding rejim Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang digunakan sebelumnya.

Ini kerana kecekapan sistem cukai baharu itu membantu kerajaan

dalam menjejaki mereka yang tidak membuat perisytiharan import.

Katanya, dalam rejim SST, kutipan yang diperoleh adalah sekitar RM4 bilion hingga 5 bilion, tetapi menerusi GST, jumlah kutipan melonjak mendadak hampir 200 peratus.

"Ramai yang berkata kita (kerajaan) mengambil duit daripada rakyat. Saya rasa saya mahu melihatnya (pengenalan GST) dalam sudut yang berbeza.

Digunakan 174 negara

"GST adalah sistem yang digunakan di 174 negara dan ia adalah sistem yang sangat cekap. Sistem ini akan mengelak atau mengurangkan aktiviti ekonomi gelap," katanya dalam satu dalam temu bual eksklusif bersama kumpulan akhbar The New Straits Times Press (M) Bhd, di Putrajaya, Rabu lalu.

Johari berkata, berdasarkan pengamatannya, jumlah kutipan GST daripada import setakat ini, Johari menjangkakan aktiviti ekonomi gelap di negara ini adalah sekitar 30 peratus.

Beliau berkata, adalah penting untuk mengurangkan aktiviti eko-

nomi gelap kerana ia menyediakan persekitaran persaingan yang adil bagi peniaga, sekali gus akan menarik lebih ramai pelabur ke negara ini.

Dengan persekitaran persaingan perniagaan yang adil juga akan menarik lebih ramai peniaga yang benar-benar mahu menjalankan perniagaan berniaga, katanya.

Johari yang dilantik melaksanakan tugas baharunya itu pada 27 Jun lalu, berkata pelaksanaan GST juga membantu kerajaan dalam menjejaki peniaga yang sebelum ini mengutip cukai jualan tetapi tidak membayar kepada kerajaan.

Sistem cukai yang telus

Beliau berkata, ketelusan dan kecekapan sistem cukai itu membolehkan kerajaan membuat semakan silang yang mana dapat menjejaki golongan yang 'lari' daripada membayar GST.

"Dengan sistem GST, setiap orang akan disemak silang. Meskipun anda elak GST, dan pembekal anda mengisytihar GST, kami mampu untuk menjejaki.

"Pada akhirnya, kita akan mengurangkan aktiviti ekonomi gelap. Jadi, pendapatan tambahan yang



Ekonomi gelap

➔ **Ekonomi gelap** - aktiviti ekonomi yang membabitkan transaksi haram atau tidak sah

➔ **Di negara maju** ekonomi gelap adalah rendah sekitar 10 hingga 15 peratus

➔ **Ekonomi gelap** di negara ini diunjurkan sekitar 20 hingga 30 peratus

kita peroleh, sebenarnya kita peroleh daripada ekonomi gelap, ia adalah cara bagaimana saya melihat GST," katanya.

Peniaga sengaja naikkan harga barang

Johari berkata, sikap sesetengah peniaga yang sebelum ini tidak membayar SST dan mahu mengekalkan keuntungan yang lebih mendorong mereka menambah jumlah enam peratus yang kena bayar kepada kerajaan dalam harga.

Keadaan itu, katanya, mendorong kepada peningkatan mendadak dalam harga barang selepas GST diperkenalkan.

Namun begitu, beliau menegaskan, bagi melindungi golongan berpendapatan rendah daripada tempias kenaikan harga mendadak itu, kerajaan memberikan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) berjumlah RM1,000 kepada mereka berpendapatan RM3,000 ke bawah.

Beliau berkata, jumlah bantuan yang diberikan itu sudah mengambil kira corak perbelanjaan bulanan golongan berkenaan dan ia dilihat mampu meringankan beban perbelanjaan susulan pelaksanaan GST.